



FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)
(as of 7th May 2020)

FAQs MENGENAI GUIDELINES FOR TRANSPORT OPERATORS
DURING THE COVID-19 SITUATION

1. Apakah yang dimaksudkan dengan *Transport Operators*?
Transport Operators termasuk juga pekerja yang bertugas, adalah syarikat-syarikat perniagaan dan pengangkutan yang bertanggungjawab dalam mengangkut dan menghantar barangan kepunyaan syarikat-syarikat yang berdaftar, menggunakan kenderaan komersil berdaftar yang bersesuaian.

2. Adakah *Transport Operators* dimestikan untuk mengikuti kesemua garis panduan yang dinyatakan?
Kesemua Transport Operators adalah dimestikan untuk mengikuti kesemua garis panduan yang dinyatakan oleh Kementerian Kesihatan dan pihak-pihak berkuasa yang lain dan juga garis panduan yang dinyatakan didalam dokumen "Guideline for Transport Operators during the COVID-19 Situation".

Mana-mana syarikat yang didapati gagal mematuhi garis panduan tersebut, mereka akan disabitkan dengan hukuman dibawah Akta Penyakit Berjangkit, Penggal 204, dan akan diberikan notis pengasingan diri serta dikehendaki untuk membayar kesemua kos bagi "swabbing tests" mengikut skim bayaran dibawah Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, Transport Operators juga dikehendaki untuk mematuhi langkah-langkah berikut:-
 - a. *Menggunakan gloves, penutup muka dan apron (seperti raincoat atau poncho yang boleh digunapakai) semasa mengendalikan barangan;*
 - b. *Tidak berkongsi alat-alat peralatan seperti alat tulis dan lain-lain; dan*
 - c. *Mengamalkan penjarakan fizikal semasa pengendalian barangan.*

3. Apakah kebenaran-kebenaran yang perlu diperolehi oleh *Transport Operators*?
Transport Operators yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam perlu memohon kebenaran "Exit Country Approval" daripada Jabatan Perdana Menteri sebelum berlepas ke negara lain. Permohonan keluar negeri perlu dihadapkan sekurang-kurangnya tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh keluar negeri.

4. Berapa lama kah tempoh sahlaku kebenaran yang diberikan bagi *Transport Operators* untuk keluar negara?
Kebeneran yang diberikan kepada Transport Operators adalah sah selama 14 hari daripada tarikh perjalanan awal yang dipohonkan, tertakluk kepada pertimbangan Jabatan Perdana Menteri.



FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)
(as of 7th May 2020)

5. Adakah *Transport Operators* dibenarkan untuk keluar negara melalui mana-mana pos kawalan di negara ini?

Transport Operators dibenarkan untuk melalui semua pos-pos kawalan darat dan juga Terminal Feri Serasa.

6. Dimanakah *Transport Operators* dapat mengambil atau menghantar barang di Malaysia?
Sebaik-baiknya, syarikat-syarikat adalah dinasihati untuk mengambil / menghantar barang di Kawasan Pos Kawalan (bagi tujuan Checkpoint Exchange) atau membuat pengambilan / penghantaran menggunakan kemudahan Inland Container Depot yang diluluskan.

Transport Operators hanya dibenarkan untuk mengangkut barangan terus dari / ke tempat penghantaran yang ditentukan di Sabah, Sarawak atau Labuan seperti yang disenaraikan dalam Job Order Sheet tanpa transit atau berhenti.

7. Berapa lamakah tempoh yang akan diberikan kepada *Transport Operators* untuk mengambil barang-barang Tersebut?

Syarikat-syarikat adalah diberikan had masa bagi setiap perjalanan seperti berikut:

Pos Kawalan	Had Masa Perjalanan
<i>Sungai Tujoh</i>	<i>Tidak melebihi 5 jam</i>
<i>Labu</i>	<i>Tidak melebihi 5 jam</i>
<i>Ujung Jalan</i>	<i>Tidak melebihi 2 jam</i>
<i>Kuala Lurah</i>	<i>Tidak melebihi 2 jam</i>
<i>Terminal Feri Serasa</i>	<i>Tertakluk kepada jadual operasi feri</i>

Transport Operators perlu mematuhi had masa yang ditetapkan dan kembali ke Negara Brunei Darussalam pada hari yang sama.

8. Adakah *Transport Operators* dibolehkan untuk memohon kelonggaran masa terutama sekali bagi syarikat yang membawa jentera berat seperti trak kargo dan lori kontena 40 kaki?

Syarikat-syarikat bolehlah memohon untuk diberikan kelonggaran had masa perjalanan daripada pihak-pihak berkuasa di pos kawalan tertakluk kepada had muatan kenderaan dan saiz kargo yang perlu dibawa.



FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)
(as of 7th May 2020)

9. Dimanakah *Transport Operators* dapat menghantar barangan yang dibawa masuk ke Negara Brunei Darussalam?
- *Bagi syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam, barangan mestilah dibawa terus ke tempat penghantaran yang ditentukan di Negara Brunei Darussalam seperti yang disenaraikan dalam Job Order Sheet tanpa transit atau berhenti.*
 - *Bagi syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Malaysia, dan telah mendapat permit untuk membawa masuk barangan keperluan 'perishable' daripada agensi-agensi Kerajaan Negara Brunei Darussalam hendaklah diiringi oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan sepanjang perjalanan dari pos kawalan ke tempat penghantaran di Negara Brunei Darussalam, dan juga sepanjang perjalanan pulang ke pos-pos kawalan yang berkenaan.*
 - *Manakala Transport Operators yang berdaftar di Negara Malaysia yang membawa komoditi yang tidak memerlukan permit daripada agensi-agensi kerajaan ataupun yang bukan berbentuk 'perishable' hanya dibenarkan membuat penghantaran atau pengambilan barang di tempat-tempat pemunggahan di kawasan Inland Container Depot yang diluluskan berdekatan dengan Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujuh Kuala Belait dan Pos Kawalan Imigresen Kuala Lurah.*

Barang-barang yang telah diambil yang bukan berbentuk 'perishable goods' perlu menjalani proses kuarantin selama 72 jam (3 hari) di premis syarikat masing-masing sebelum dihantar pelanggan-pelanggan.

10. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan ke atas *Transport Operators* yang baru kembali ke Negara Brunei Darussalam?
Sebagai langkah berjaga-jaga, kesemua Transport Operators adalah dimestikan untuk menjalani pemeriksaan suhu badan di setiap pos-pos kawalan. Mana-mana Transport Operators yang menunjukkan gejala ataupun terdedah kepada COVID-19 semasa kembali ke Negara Brunei Darussalam akan diberikan Notis Pengasingan Diri.
11. Apakah peraturan-peraturan yang mesti dipatuhi oleh *Transport Operators*?
Transport Operators dimestikan untuk mematuhi kesemua akta-akta dan peraturan-peraturan berkaitan dengan pengimpotan, transit dan eksport barang-barang yang berkuatkuasa pada masa ini termasuk peraturan-peraturan perjalanan (travel regulations) di kesemua tempat-tempat tujuan. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan ataupun kerosakan yang berlaku.



FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)
(as of 7th May 2020)

12. Bagaimanakah proses deklarasi barang-barang yang dibawa oleh *Transport Operators*?
Barang-barang yang dibawa oleh Transport Operators perlu menjalani proses deklarasi dengan pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.
13. Adakah barang-barang yang telah diambil perlu dikuarantin dan berapa lamakah proses kuarantin tersebut?
Barang-barang yang telah diambil yang bukan berbentuk 'perishable goods' perlu menjalani proses kuarantin selama 72 jam (3 hari) di premis syarikat masing-masing sebelum dihantar pelanggan-pelanggan.
14. Dimanakah pendaftaran dapat dibuat bagi pemandu dan kenderaan yang digunakan oleh *Transport Operators*?
Pemandu dan kenderaan yang digunakan oleh Transport Operators bolehlah didaftarkan melalui "Brunei Darussalam's Vehicle Exit/Entry System (VES).
15. Apakah tindakan-tindakan yang akan diambil ke atas *Transport Operators* yang gagal mematuhi waktu yang diberikan semasa mengambil barang-barang di luar negara dan gagal untuk pulang ke Negara Brunei Darussalam dalam tempoh yang ditetapkan?
Bagi Transport Operators yang didapati gagal untuk mematuhi waktu yang ditetapkan untuk mengambil barang-barang di luar negara dan gagal untuk kembali ke Negara Brunei Darussalam pada hari yang sama, maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 dan boleh dikenakan denda. Transport Operators berkenaan juga akan diarahkan untuk menjalankan Perintah Isolation, yang mana kos-kos ujian swabbing serta Isolation akan ditanggung sepenuhnya oleh Transport Operators tersebut.
16. Apakah perkara-perkara lain yang perlu dilakukan oleh *Transport Operators* setelah kembali ke Negara Brunei Darussalam?
Transport Operators yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam adalah dimestikan untuk mengemaskinikan status kesihatan mereka setiap hari selama 14 hari melalui "Self-Assessment Application" yang boleh didapati melalui laman web www.healthinfo.gov.bn. Transport Operators akan dikenakan tindakan jika gagal berbuat demikian.

-TAMAT-